

24/03/1998

Hargai kepentingan teknologi

BUKIT JALIL, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelabur bersikap terbuka dan menghargai kepentingan serta nilai harta intelek, termasuk teknologi baru yang dihasilkan.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelabur terpaksa berhati-hati untuk membelanjakan wang dalam setiap pelaburan, mereka perlu memahami teknologi yang dihasilkan dan manfaat yang bakal diterima.

"Teknologi baru ini mampu memberi pulangan lumayan bukan saja kepada pelabur, malah negara. Jika pelabur tidak berusaha memahami teknologi, pastinya mereka tidak akan melabur.

"Jika mereka tidak melabur, bukan saja mereka akan kehilangan peluang tetapi negara juga akan terlepas peluang menambah kekayaan, menambah pekerjaan yang meningkat, mendidik masyarakat dan meneruskan usaha menghasilkan teknologi susulan dan produk yang menguntungkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kompleks Pintar Iris Technologies (M) Sdn Bhd dan melancarkan pasport pintar berciri 'Machine Readable Passport (MRP)/Image Retrieval Identification System (Iris)' di sini, hari ini.

Berikutan itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata adalah lebih baik jika pelabur menyedari bahawa rakyat Malaysia mampu mencetus inovasi, mencipta, merekabentuk, mengilang dan memberi hasil seperti yang dijanjikan.

Menurut Perdana Menteri, kemahiran dan buah fikiran penduduk tempatan tidak seharusnya diketepikan kerana sikap rendah diri yang diwarisi turun-temurun, yang menolak apa saja hasil tempatan.

"Sejak sekian lama kita mengetepikan penduduk berbakat di kalangan kita kerana percaya hanya orang asing yang bagus. Tetapi saya yakin kebolehan kebijaksanaan tidak terhad mengikut rantau.

"Rakyat Malaysia juga mempunyai keupayaan untuk merekabentuk, mencipta, membangun dan mengguna teknologi serta barangan, yang boleh digunakan di dalam dan di luar negara," katanya.

Sebagai bukti, Dr Mahathir berkata, beberapa teknologi dan produk tempatan berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, apa yang lebih penting setiap pihak khususnya pelabur memahami bahawa teknologi adalah harta intelek yang dihasilkan terlebih dahulu sebelum sebarang produk dikeluarkan dan tiada siapa yang memonopoli idea untuk menghasilkan sesuatu teknologi.

Ketika ditanya pada sidang akhbar selepas itu mengenai pemberian insentif kepada pelabur untuk menyertai bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi penghasilan sesuatu teknologi, beliau berkata: "Kita tidak beri insentif untuk mereka melabur.

"Ini peluang kepada mereka, jika mereka melepaskannya, mereka ketinggalan," katanya.

Diminta mengulas mengenai dasar kerajaan membawa pulang tenaga pakar Malaysia yang berkhidmat di luar negara, Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa mengalu-alukan kepulangan golongan terbabit.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak menyediakan pekerjaan kepada kumpulan itu sebaliknya mereka boleh menyertai syarikat yang beroperasi di negara ini.

(END)